

## METODE *AL-MUFĀDALAH* ANTARA *AL-QIRĀ'ĀT AL-MUTAWĀTIRAH* DALAM *ĪRĀB AL-QURAN AL-NAHHAS*

## METHOD OF *AL-MUFĀDALAH* BETWEEN *AL-QIRĀ'ĀT AL-MUTAWĀTIRAH* IN *ĪRĀB AL-QURAN AL-NAHHAS*

Muhammad Fairuz A. Adi<sup>1</sup> Mohamad Redha bin Mohamad<sup>2</sup> Mahmud Lutfi Abd Hadi<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah Jab. Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS, [fairuz@kuis.edu.my](mailto:fairuz@kuis.edu.my)

<sup>2</sup>Pensyarah Jab. Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS, [mohamadredha@kuis.edu.my](mailto:mohamadredha@kuis.edu.my)

<sup>3</sup>Pensyarah Jab. Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS, [mahmudlutfi@kuis.edu.my](mailto:mahmudlutfi@kuis.edu.my).

\*Penulis Penghubung : Muhammad Fairuz A. Adi, Pensyarah Jab. Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, [fairuz@kuis.edu.my](mailto:fairuz@kuis.edu.my)

Artikel diterima: 20 DIS 2020

| Selepas Pembetulan: 25 DIS 2020

| Diterima untuk terbit: 31 DIS 2020

### Abstrak

Para ilmuwan Islam telah membahaskan *wujūh al-qirā'āt* dari pelbagai sudut disiplin ilmu. Perbahasan mereka merangkumi cara sebutan lafaz qiraat, kepelbagaian dari sudut bahasa Arab serta cabang-cabangnya hingga kepada pentafsiran yang dibawa oleh *wujūh al-qirā'āt* itu sendiri. Dalam kerancakan membahaskan bacaan qiraat, terdapat sekumpulan dari ilmuwan telah dikesan melebihi satu-satu bacaan qiraat mutawatirah berbanding qiraat mutawatirah yang lain yang disebut sebagai istilah *al-tafdīl* atau *al-mufāḍalah*. Abu Ja'far al-Nahhas merupakan salah seorang ilmuwan yang meletakkan *al-tafdīl* kepada sebahagian *wujūh al-qirā'āt*. Kertas kerja ini mengenalpasti dan mengkaji metode *al-tafdīl* yang digunakan oleh al-Nahhas dalam karya beliau *Īrāb al-Qur'ān*. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menganalisis teks perbahasan al-Nahhas terhadap wujud al-Qiraat berdasarkan kitab *Īrāb al-Qur'ān*. Kajian mendapati al-Nahhas menggunakan empat metode untuk mengangkat qiraat tertentu sebagai *wajh al-qiraat* pilihan beliau.

Kata kunci: *al-tafdīl, al-mufāḍalah, al-Nahhas, al-qirā'āt, Īrāb al-Qur'ān*

## Abstract

Islamic scholars have discussed the *wujūh al-qirā'āt* from various angles of the discipline of knowledge. Their debate covers the pronunciation of qiraat, diversity from the Arabic point of view and its branches to the interpretation brought by *wujūh al-qirā'āt* itself. In the vigor of discussing the recitation of qiraat, there is a group of scholars have been detected to exceed one recitation of qiraat mutawatirah compared to other qiraat mutawatirah which is called as the term *al-tafdīl* or *al-mufāḍalah*. Abu Ja'far al-Nahhās was one of the scholars who applied *al-tafdīl* to some of the *wujūh al-qirā'āt*. This paper identifies and studies the method of *al-tafdīl* used by al-Nahhas in his book *ḥrāb al-Qur'ān*. This study is a qualitative study that analyzes the text of the debate of al-Nahhās on the wujūh al-Qiraat based on the book *Icrāb al-Qur'ān*. The study found that al-Nahhās used four methods to lift certain qiraat as the *wajh al-qirā'āt* of his choice.

### 1. Pengenalan

Perbandingan antara *wujūh al-qirā'āt* merupakan satu isu yang menjadi perselisihan para ulama antara keharusan dan tegahan melakukannya. Metode ini disebut sebagai *al-tafdīl* atau *al-mufāḍalah* dan ia banyak didapati dalam karya-karya *tawjīh al-qirā'āt*, *ḥrāb al-Quran*, kitab-kitab nahu, tafsir dan sebagainya yang membicarakan tentang bacaan *qirā'āt*.

Terdapat tegahan dari ulama terhadap metode *al-mufāḍalah* dengan menyatakan bahawa kesemua bacaan *qirā'āt* adalah bersumber dari Allah S.W.T. Segala bacaan tersebut betul dan benar dan tidak harus melebihi antara satu sama lain. Manakala pendapat yang mengharuskannya menyatakan bahawa tidak terdapat nas yang menghalang *al-mufāḍalah* ini, bahkan telah *thābit* dalam nas bahawa sebahagian surah atau ayat-ayat al-Qur'an mempunyai kelebihan ke atas surah dan ayat lain (Falatah,2000:579)

Abu Ja'far al-Nahhas(w. 388H) seorang ulama hebat dari Mesir telah mengarang sebuah kitab berjudul *ḥrāb al-Qur'ān*. Perbahasan yang lengkap mengenai *ḥrāb* ayat-ayat al-Quran telah dijadikan panduan dan rujukan para ulama yang datang selepas beliau. Al-Nahhas tidak ketinggalan membicarakan ayat-ayat yang mempunyai *wujūh al-qirā'āt*. Sebagai ulama yang mahir dalam bidang nahu dan bahasa Arab sudah tentu akan mengerah segala ilmu dan idea untuk memberi hujah kepada setiap kepelbagain bacaan.

Pelbagai hujah dan perbahasan diketengahkan oleh al-Nahhās yang boleh memberi input baru kepada pembaca kitab *ḥrāb al-Qur'ān*. Antara perbahasan yang mencuri perhatian adalah *uslub al-mufāḍalah* iaitu perbandingan antara dua qiraat mutawatirah yang digunakan al-Nahhās dalam perbahasan beliau. Dalam kajian ini membawa empat contoh perbahasan al-Nahhas yang membawa kepada *al-tafdīl* atau *al-mufāḍalah* antara qiraat mutawatirah.

## 2. Istilah *al-Ikhtiyār* dan *Al-Mufaḍḍalah*

Perkataan *ikhtiyār* merupakan satu lafaz yang berasal dari bahasa arab yang membawa maksud *al-istifa'* dan *al-intiqa* di mana kedua-duanya membawa maksud "pilihan". Ia juga membawa maksud *al-mufaḍḍalah baina shay'ain*. Kalimah ini merupakan *masdar* kepada kata kerja *khumasi* (اختار). Dari segi penggunaan bahasa, kalimah *al-ikhtiyār* juga digunakan dengan maksud *ism maf'ūl* (المختار) iaitu dengan maksud sesuatu yang dipilih dan *ism fa'il* dengan maksud yang utama.

Dari sudut asal usul kalimah, perkataan (اختار) berasal dari kata akar (خ ي ر) yang bermaksud baik (العطف) dan cenderung (الميل) (Ibn Faris, 1997,2:232)

Dengan makna-makna yang dibentangkan di atas maka kita boleh simpulkan bahawa kailmah *ikhtiyar* telah membawa dua makna iaitu dengan makna *masdar* iaitu pilihan dan yang keduanya dengan makna *ism maf'ūl* atau *ism fa'il* sesuatu yang dipilih atau yang utama.

*Al-ikhtiyār* dalam istilah ilmu qiraat bermaksud pemilihan dan penyaringan bacaan-bacaan tertentu oleh seorang *qari* yang teliti dalam riwayat dan alim dalam Bahasa Arab berdasarkan bacaan-bacaan yang beliau ambil dari guru-gurunya yang ramai dengan menggunakan cara-cara yang khusus dan sebab tertentu. Kemudian menyandarkan bacaan tersebut kepada dirinya (Falatah,200,52)

Istilah *al-mufaḍḍalah* atau *al-Tafdil* merujuk kepada perlakuan seseorang pembahas *wujūh al-qirā'āt* yang mengangkat satu qiraat mutawatirah lebih tinggi berbanding qiraat mutawatirah yang lain. Keadaan ini berlaku apabila seseorang pembahas itu mendapati satu qiraat mempunyai kelebihan dari sudut-sudut tertentu antaranya nahu, penggunaan yang masyhur dari sudut sebutan popular dalam kalangan bangsa arab, konteks ayat dan lain-lain.

Menurut Falatah (2000) di dalam kajian beliau bahawa *al-mufaḍḍalah* ini timbul hasil dari ketidakseimbangan atau kekeliruan dalam berhadapan dengan isu *ikhtiyār al-qirā'āt*. Pendapat ini berdasarkan persamaan yang wujud antara istilah *ikhtiyār al-qirā'āt* dan *al-mufaḍḍalah* di mana kedua-duanya membawa maksud yang serupa dari konteks bahasa. Penggunaan yang lebih tepat adalah seperti yang dilakukan oleh ulama di kalangan ahli *qirā'āt* yang menyaring riwayat-riwayat seterusnya memilih bacaan-bacaan yang terbaik tanpa ada unsur-unsur menidakkan serta mencela bacaan mutawatir yang lain. Kemungkinan kegagalan sebahagian ulama dalam menyelami makna sebenar *ikhtiyār al-qirā'āt* yang digunakan oleh ahli *qirā'āt* telah membawa isu ini kepada *tafdil* dan seterusnya mengheret isu *ikhtiyār al-qirā'āt* ini kepada isu celaan terhadap bacaan *al-Quran*.

### 3. Metode *Al-Tafḍīl* Al-Nahhas dalam Kitab *Ḥrāb al-Qur'ān*

Abu Ja'far Al-Nahhās di dalam karya *Ḥrāb al-Qur'ān* menggunakan istilah-istilah tertentu yang menunjukkan uslub *al-tafḍīl* terhadap *wujūh al-qirā'āt*. Istilah-istilah seperti (أولى) bermaksud paling utama (أجود) bermaksud paling elok, (أحسن) bermaksud paling baik dan (أصح) bermaksud paling betul telah digunakan al-Nahhās ketika memilih wajah bacaan yang terbaik dari sudut pandang beliau sebagai ahli *nahw* dan ahli tafsir.

Di bawah ini merupakan empat sampel perbincangan al-Nahhās berkaitan uslub *al-tafḍīl* serta perbincangannya:

#### 3.1 Qiraat yang Menepati Qiyas atau Popular dalam Pertuturan Arab

Sebagai contoh firman Allah S.W.T surah Maryam ayat 23:

(فَأَجَاءَهَا الْمَخَاضُ إِلَى جِذْعِ النَّخْلَةِ قَالَتْ يَلَيْتَنِي مِتُّ قَبْلَ هَذَا وَكُنْتُ نَسِيًّا مَّسِيًّا)

Maksudnya

“Ketika ia hendak bersalin) maka sakit beranak itu memaksanya (pergi bersandar) ke pangkal sebatang pohon tamar (kurma), ia berkata alangkah baiknya kalau aku mati sebelum ini dan menjadilah aku sesuatu yang dilupakan orang dan tidak dikenang-kenang!” (Abdullah Basmeih,1980)

Perselisihan ulama *qirā'āt* dalam ayat di atas adalah pada perkataan (نسيًا) di antara *fathah* dan *kasrah* huruf (ن). Bacaan *kasrah* huruf (ن) adalah *qirā'āt* Nafi<sup>c</sup>, Ibn Kathīr, Abu 'Amru, Ibn 'Āmir, Syu'bah, Kisā'i, Abu Ja'far, Ya'qūb dan Khalaf. Manakala bacaan *fathah* huruf (ن) adalah *qirā'āt* imam Hafs dan Hamzah. (Ibn al-Jazari, t.th,2:318). Menurut al-Nahhās bacaan *kasrah* lebih utama dari dua sisi. Pertama, kerana orang arab menggunakan (نسيانا) sebagai *maṣḍar* untuk kata kerja (نسي).

Kedua, jika *fathah* (ن) itu sebagai *maṣḍar* dan *kasrah* sebagai kata nama atau isim, maka kata nama lebih diutamakan dalam ayat ini. Al-Nahhās menyatakan (al-Nahhas, 2005:524)

قال أبو جعفر: كسر النون في هذا أولى في العربية لجهتين: إحداهما أن المفتوحة مصدر والمكسورة اسم ، فالإسم هاهنا أولى من المصدر، والجهة الأخرى أن المصدر إنما تستعمله العرب هاهنا على فعلان فيقولون : نَسِيْتُ نَسِيَانًا

Maksudnya:

Berkata Abū Ja'far: *kasrah* huruf (ن) pada tempat ini lebih utama dalam timbangan bahasa arab untuk dua sudut : salah satunya bahawa *maftūhah* adalah *maṣḍar* dan *maksūrah* itu menunjukkan kata nama, maka kata nama lebih utama di dalam ayat ini berbanding *maḍdar*. Sudut yang lain, bahawa *maṣḍar* yang digunakan orang arab di sini adalah (فعلان) mereka berkata : نَسِيْتُ, نَسِيَانًا.

Al Nahnās memilih (نسيا) dengan *kasrah* kerana ia adalah merupakan cara pertuturan yang banyak digunakan oleh orang arab dan ia merupakan bahasa yang tinggi dan utama (al-Farisi, 2001,3:118)

### 3.2 Qiraat yang Mempunyai Makna Sesuai dengan Konteks Ayat

Sebagai contoh firman Allah S.W.T surah al-Baqarah ayat 249:

فَلَمَّا فَصَلَ طَالُوتُ بِالْجُنُودِ قَالَ إِنَّ اللَّهَ مُبْتَلِيكُمْ بِنَهَرٍ فَمَنْ شَرِبَ مِنْهُ فَلَيْسَ مِنِّي وَمَنْ لَمْ يَطْعَمْهُ فَإِنَّهُ مِنِّي إِلَّا مَنِ اعْتَرَفَ غُرْفَةً بِيَدِهِ (...)

Maksudnya:

"Kemudian apabila Talut keluar bersama-sama tenteranya, berkatalah ia: "sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sebatang sungai, oleh itu sesiapa di antara kamu yang meminum airnya maka bukanlah ia dari pengikutku, dan sesiapa yang tidak merasai airnya maka sesungguhnya ia dari pengikutku, kecuali orang yang menceduk satu cedukan dengan tangannya..." (Abdullah Basmeih, 1980)

Perkataan (غرفة) dalam ayat di atas terdapat perbezaan bacaan antara *qurrā'*. Imam Nāfi<sup>o</sup>, Ibn Kathīr, Abū<sup>o</sup> Amru dan Abū Ja'far memilih untuk membaca *fathah* pada huruf (غ) manakala *qurrā'* yang lain memilih *ḍammah* (ibn al-Jazari, t.th, 2:230). Berikut adalah kata-kata Abū Ja'far al Nahnās berkenaan kalimah (عرفة) (al-Nahnās, 2005,175) :

قال أبو جعفر: الفتح في هذا أولى لأن الغرفة بالضم هي ملء الشيء يقع للقليل والكثير والغرفة بالفتح المرة الواحدة وسياق الكلام يدل على القليل فالفتح أشبه.

“Berkata Abū Ja<sup>c</sup>far: *al-fath di sini lebih utama kerana kalimah (الغرفة) dengan dammah bermaksud mengisi ke dalam sesuatu sama ada dengan kuantiti sikit atau banyak. Manakala (والغرفة) dengan fathah memberi maksud mengisi hanya sekali dan siyāq al-kalām menunjukkan sedikit maka baris fathah lebih mirip dengannya.*”

Menurut Abū Ja<sup>c</sup>far perkataan (غرفة) dengan *ḍammah* pada huruf ( غ ) membawa makna “sesuatu yang diisi samada isian yang banyak atau sikit”. Manakala *fathah* pula memberi maksud “ sekali isi ” maka al-Nahhās berpendapat bacaan *fathah* adalah menepati konteks ayat di atas kerana mereka hanya minum dengan satu cedukan tangan sahaja.

Dalam isu ini al-Nahhās memilih bacaan *fathah* kerana makna perkataan (الغرفة) dengan bacaan *qirā'at fathah* lebih menepati maksud di mana tentera-tentera Tālūt telah diuji dengan air sungai ketika dalam perjalanan untuk menentang Jālūt. Mereka hanya dibenarkan minum seceduk dari tangan sahaja tidak lebih dari itu.

### 3.3 Qiraat yang Menepati *Khat al-Mushaf*

Abū Ja<sup>c</sup>far al-Nahhās telah menggariskan bahawa beliau menolak *qirā'at* yang menyalahi *khat al-mushaf* (al-Nahhas, 2005,175) dan beliau telah menggunakan garis panduan ini sebagai satu cara untuk memilih bacaan yang utama. Penulis membawa salah satu contoh metode beliau ini iaitu dalam firman Allah S.W.T surah Tāha ayat 13:

(وَأَنَا آخَرْتُكَ فَاسْتَمِعْ لِمَا يُوحَىٰ)

Maksudnya:

“Dan Aku telah memilihmu menjadi rasul maka dengarlah apa yang akan diwahyukan kepadamu.”(Abdullah Basmeih,1980)

Pada kalimah (اخترتك) terdapat dua wajah bacaan iaitu (اخترتك) yang disandarkan kepada imam Nāfic, Abū °Amru, Ibn Kathīr, Ibn °Āmir, °Āsim, Abū Ja°far, Ya°qūb, Khalaf. Manakala bacaan (اخترتاك) disandarkan kepada Imam Hamzah (Ibn al-Jazari, 2:320). Abū Ja°far al-Nahhās telah memberi keutamaan kepada bacaan yang pertama berbanding kedua. Menurut beliau bacaan dengan huruf (ت) adalah lebih utama kerana lebih menyerupai (أشبهه) *khaṭ al-muṣḥaf*. Kata al-Nahhās (2005,536) mengenai bacaan *qirā'āt* pada kalimah (اخترتك):

قرأ أهل المدينة وأبو عمرو وعاصم والكسائي وأنا اخترتك وقرأ سائر الكوفيين وأنا اخترتك والمعنى واحد إلا أن «وأنا اخترتك» هاهنا أولى من جهتين: إحداهما أنه أشبهه بالخط والثانية أنه أولى بنسق الكلام لقوله جلّ وعزّ يا موسى إني أنا ربك ...

“Ahli Madinah serta imam Abū °Amru dan °Āsim dan Kisā'i membaca dengan (وأنا اخترتك) dan imam-imam dari Kūfi membaca dengan (وأنا اخترتاك) sedangkan kedua-dua bacaan itu membawa makna yang sama kecuali bacaan (وأنا اخترتك) lebih utama dari dua segi iaitu ia lebih dekat dengan tulisan *mashaf* dan ianya lebih utama dengan susun atur ayat kerana firman Allah S.W.T sebelumnya (يا موسى إني أنا ربك)<sup>31</sup>...

Berpandukan kata-kata beliau di atas, al-Nahhās tidak hanya berhujah dengan *rasm al-maṣḥaf* semata-mata bahkan pemilihan beliau terhadap bacaan *qirā'āt* dengan huruf *tā' al-mutakallim* berlandaskan juga susun atur ayat-ayat al-Qur'an tersebut iaitu Allah S.W.T menggunakan kata ganti diri pertama (saya/aku) pada ayat (يا موسى إني أنا ربك) yang terletak sebelumnya.

Penulis berpandangan bahawa alasan berkenaan khat *mashaf* tidak sepatutnya ditimbulkan oleh al-Nahhās kerana kedua-dua bacaan tersebut tertulis tanpa huruf (

<sup>31</sup> al-Qur'an, Taha 20:12.



l) di dalam mana-mana *al-mashaf*<sup>c</sup> *uthmāni*. Penulis juga merasakan hujah al-Nahhās berkenaan bacaan *qirā'āt* di atas tidak pada tempatnya oleh kerana kedua-dua bacaan di atas mempunyai tulisan atau rasm yang sama dan kedua-duanya bertepatan dengan *rasm al-muṣḥaf*.

Pendapat penulis adalah berdasarkan kaedah yang disusun oleh imam Abū °Amru al-Dāni<sup>32</sup> dan imam Abū Daud al-Najjāh<sup>33</sup> dimana kedua-dua merupakan ulama yang menjadi rujukan dalam disiplin ilmu *rasm*. Mereka menyatakan setiap huruf ( ۱ ) yang terletak selepas ( ۛ ) *ḍamir* hendaklah dibuang dari tulisan. dan itulah yang terdapat dalam kesemua *al-Masahif al- °Uthmāni*. Pendapat kedua-dua imam tersebut dinazamkan oleh imam al-Kharraz (2005,94)<sup>34</sup> :

وبعد نون مضمرة أتاك # حشوا كردناهم وآتيناك

Perbandingan yang dibuat oleh al-Nahhās terhadap dua *qirā'āt* ini merupakan satu tindakan yang tidak wajar kerana imam Hamzah merupakan seorang *qari* yang menjadi pegangan penduduk Kūfah ketika zamannya. Tambahan pula, sanad bacaan beliau sampai kepada sahabat-sahabat yang besar iaitu Abdullah bin Mas'ūd, Ubay bin Ka'b, °Ali bin Abi Ṭālib dan Uthman bin al-°Affān seterusnya sampai ke Rasulullah s.a.w

### 3.4 *Athar*<sup>35</sup> yang Menyokong Sesuatu Wajah Bacaan

Al-Nahhās menggunakan *athar* untuk mengutamakan sesuatu bacaan *qirā'āt*. Manhaj ini kita boleh lihat ketika beliau membincangkan firman Allah S.W.T surah al-Haj ayat 39 :

(أَذِنَ لِلَّذِينَ يُقْتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ )

<sup>32</sup> Beliau adalah Uthman bin Sa'īd bin Uthman . Lebih dikenali sebagai Abū °Amru al-Dāni. Lahir pada tahun 371 H. seorang ulama yang hebat dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang *°ulum al-Qur'an*. Antara karya beliau yang menjadi rujukan para ulama adalah sebuah kitab ilmu *qirā'āt* iaitu *al-Taysir. ṭabaqat al-Qurrā'*, *Waqf wa al-Ibtidā'* dan lain-lain. Beliau wafat hari isni pertengahan bulan Shawal tahun 444H. (Ibn al-Jazari, Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra', 2006)

<sup>33</sup> Beliau adalah Sulaymān bin al-Najjāh . lahir pada tahun 413H. Seorang ulama dalam bidang *qirā'āt*. Beliau juga seorang *qāri* dan *muqri'*. Mengambil riwayat dari imam al-Dāni dan melazimi karya-karya al-Dāni. Antara karya Abu Daud ialah *al-Tabyin fi al-Hija' al-Tanzil*. Wafat pada 16 Ramadan tahun 496H. (Ibn al-Jazari, Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra', 2006)

<sup>34</sup> Beliau adalah Muhammad bin Muhammad bin Ibrahim . dikenali sebagai al-Kharraz. Berasal dari Maghribi. Seorang ulama dan *muqri'* yang menonjol dalam bidang *rasm* dan *lābt*. *Mawrid al-°Uam'Én* merupakan karya terkenal beliau dalam bidang ilmu *rasm* dan *ḍabt*. Wafat pada tahun 718H (Ibn al-Jazari, Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra', 2006)

<sup>35</sup> *Athar* bermaksud apa-apa yang disandarkan kepada sahabat r.a dan *tabi'ín* dari segi perkataan dan perbuatan (Manshawi, t.th)



Maksudnya:

“Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya, dan sesungguhnya Allah amat berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan).”(Abdullah Basmeih,1980)

Perkataan (يقاتلون) di dalam ayat tersebut mengandungi dua wajah bacaan iaitu dengan *fathah* dan *kasrah* huruf (ت) iaitu (يقاتَلون) dan (يقاتِلون). Kedua-dua bacaan tersebut merupakan bacaan mutawatir. (يقاتلون) dengan huruf (ت) berbaris *fathah* adalah bacaan qirā'āt imam Nāfi<sup>°</sup>, Abu Ja'far, Ibn <sup>°</sup>Āmir dan Hafs. Manakala (يقاتلون) adalah bacaan Ibn Kathīr, Abū <sup>°</sup>Amru, Hamzah, Kisā'i, Ya<sup>°</sup>qūb dan Khalaf. (Ibn al-Jazari, t.th, 2:326).

Menurut al-Nahhās, bacaan *fathah* huruf (ت) adalah lebih jelas dan lebih sahih dari segi makna berbanding bacaan *kasrah*.

Berikut adalah sebahagian kata-kata al-Nahhās mengenai kedua-dua bacaan qirā'āt di atas:

والمعاني في هذا متقاربة لأنهم قد قاتلوا وقوتلوا إلا أن قراءة أهل المدينة في هذا أصح معنى، وأبين من وجهين: أحدهما أنه قد صحَّ عن ابن عباس أنها أول آية نزلت في القتال ...

*“Dan makna-makna pada dua bacaan tersebut adalah hampir sama kerana mereka telah berperang dan diperangi tetapi bacaan ahli Madinah paling sahih dari sudut makna dan jelas dari dua sudut. Salah satu darinya ialah berdasarkan satu riwayat sahih dari Ibn <sup>°</sup>Abbās menyatakan bahawa ayat ini adalah ayat yang mula-mula turun mengenai perang...”*

Pendapat yang beliau utarakan berdasarkan satu *athar* yang disandarkan ke Abdullah bin <sup>°</sup>Abbās yang menyatakan bahawa ayat ini adalah ayat yang pertama turun berkenaan dengan keizinan untuk berperang. Sedangkan bacaan *kasrah* huruf (ت) menunjukkan seolah-olah orang islam sudah berperang sebelum keizinan ini. Maka bacaan *kasrah* pada huruf (ت) bercanggah dengan *athar* dari <sup>°</sup>Ibn <sup>°</sup>Abbās tersebut dan sejarah. *Athar* yang dimaksudkan adalah :

حدثنا سفیان بن وکیع، قال: حدثنا أبي، وإسحاق بن يوسف الأزرق، عن سفیان، عن الأعمش، عن مسلم البطين، عن سعيد بن جبیر، عن ابن عباس، قال: لما أخرج النبي صلى الله عليه وسلم من مكة، قال أبو بكر: أخرجوا نبيهم ليهلكن فأنزل الله تعالى {أذن للذين يقاتلون بأنهم ظلموا وإن الله على نصرهم لقدير} لقد علمت أنه سيكون قتال.

“Diceritakan kepada kami oleh Sugyan bin Waki<sup>o</sup>, dia berkata, diceritaka kepadaku bapaku dan Ishaq bin Yusuf al-Azraq dari sufyan daripada al-A<sup>o</sup>mash dari Muslim bin al-Ba<sup>o</sup>thin dari Sacid bin Jubayr dan Ibn cAbbās, berkata: ketika Nabi SAW dihalau keluar dari Makkah, telah berkata Abu Bakar, Kamu semua tekah menghalau Nabi kamu nescaya kamu semua akan dihancurkan oleh Allah SWT. Maka Allah SWT menurunkan ayat (أذن للذين يقاتلون بأنهم ظلموا وإن الله على نصرهم لقدير), berkata Abu bakr: Aku dapat mengetahui akan terjadi satu peperangan.”

( Tarmizi, no: 3171, Hasan Sahih)

Manakala alasan kedua beliau ialah kerana kesesuaian ayat yang menggunakan *fīl al-Majhul* (kata kerja yang tidak diketahui pelakunya) pada perkatan (بأنهم ظلموا) dan (الذين أُخرجوا) maka beliau mengutamakan bacaan *fathah* huruf (ت) kerana bacaan *qirā'āt* itu sesuai dengan susun atur ayat tersebut. Berikut adalah sebahagian kata-kata al-Nahhās yang penulis petik dari kitab *f'rāb al-Qur'ān* mengenai kedua-dua bacaan *qirā'āt* di atas (al-Nahhas,2005,570):

والمعاني في هذا متقاربة لأنهم قد قاتلوا وقوتلوا إلا أن قراءة أهل المدينة في هذا أصحّ معنى، وأبين من وجهين: أحدهما أنه قد صحّ عن ابن عباس أنها أول آية نزلت في القتال...

“Dan makna-makna pada dua bacaan tersebut adalah hampir sama kerana mereka telah berperang dan diperangi tetapi bacaan ahli Madinah lebih sah makna dan jelas dari dua sudut. Salah satu darinya ialah berdasarkan satu riwayat sahih dari Ibn <sup>o</sup>Abbās menyatakan bahawa ayat ini adalah ayat yang mula-mula turun mengenai perang...”

Untuk menjelaskan lagi isu terhadap *qirā'āt fathah*, al-Nahhās membawa satu pendapat yang menyokong pendapat beliau iaitu (al-Nahhās, 2005,570):

قال الطهراني: لا أدري كيف القراءة فإذا كانت أول آية أنزلت في القتال فهم لم يقاتلوا بعد. فيبعد أن يكون أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتِلُونَ وكان يقاتلون بيننا، والجهة الأخرى أن بعده «بأثم ظلموا»، وبعده الَّذِينَ أُخْرِجُوا ...

“Al-Ṭehrāni berkata: aku tidak mengetahui bagaimana keadaan qirā’at ini ( merujuk kepada bacaan يُقَاتِلُونَ). Ayat ini merupakan ayat yang pertama turun mengenai keizinan berperang sedangkan mereka (para sahabat R.A) belum berperang lagi. Maka bacaan أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتِلُونَ adalah jauh dan bacaan (يُقَاتِلُونَ) bacaan yang lebih nyata. Di sisi lain pula, selepas kalimah tersebut terdapat (بَأْثَمَ ظَلَمُوا) dan (الَّذِينَ أُخْرِجُوا) yang menggunakan bentuk kata majhūl”

Jika diteliti makna keseluruhan ayat 38 dan 39 surah al-Haj, kita akan dapati bahawa yang dijelaskan oleh Allah S.W.T adalah keizinan untuk berperang bagi orang mukmin yang telah ditindas dan di halau dari tempat asal mereka iaitu Mekah. Keazaman sebahagian dari orang islam mereka untuk bertindak balas ke atas orang musyrik telah di halang oleh Rasulullah s.a.w kerana tiada keizinan dari Allah S.W.T. untuk berbuat demikian.(al-Zuhayli, 1998,17:227 Sehingga turun ayat ke 39 surah al-Haj. Maka bacaan *kasrah* huruf *ta* pada (يُقَاتِلُونَ) sesuai dengan kehendak dan keazaman orang-orang Islam untuk bertindak balas memerangi orang-orang musyrik yang telah lama menzalimi mereka di Mekah sebelum itu. (al-Zuhayli, 1998, 17:228)

Kewujudan *athār* dari ibn ʿAbbās mengenai ayat tersebut tidak boleh dijadikan hujah untuk mengangkat bacaan *fathah* (يُقَاتِلُونَ) sebagai bacaan yang paling utama kerana hadith tersebut hanya menceritakan tentang ayat yang pertama mengenai keizinan berperang. Manakala bacaan *kasrah* huruf (ت) pada (يُقَاتِلُونَ) pula tidaklah menunjukkan bahawa orang-orang Islam pernah berperang sebelum itu iaitu sebelum diberi keizinan oleh Allah S.W.T sepertimana yang disangkakan oleh al-Nahhās.

#### 4. Penutup

Empat metode *al-tafḍīl* dalam perbincangan di atas merupakan salah satu corak perbincangan yang mewarnai perbincangan al-Nahhās dalam kitab *frāb al-Qur’ān*. Perbincangan seperti ini tidak hanya terjadi pada al-Nahhas sahaja, bahkan ramai lagi ilmuwan islam yang agak berlebihan dalam membincangkan *wujūh al-qirā’āt* dalam karya masing-masing. Perbincangan membawa kepada *al-tafḍīl baina al-qirā’āt* memberi gambaran yang negatif kepada al-Quran dan pengarang kitab itu sendiri. Ulama tidak menolak kepada perbincangan yang membawa hujah kepada *wujūh al-qirā’āt* kerana ia

merupakan satu disiplin ilmu yang memberi pencerahan kepada qiraat. Tetapi perbincangan yang membawa kepada *al-tafdīl* menampakkan seolah-olah al-Quran ada kelompondan dari sudut-sudut ilmiah tertentu. Al-Nahhās tidak bermaksud untuk merendahkan martabat qira'at menolaknya, kemungkinan pendekatan *al-tafdīl* beliau adalah dari sudut pandang ilmu bahasa Arab atau sebagainya di mana ketokohan beliau sebagai ilmuwan yang hebat tidak pernah dinafikan oleh sesiapa. Walaupun begitu, kredibiliti al-Nahhās sebagai ilmuwan mungkin sedikit terkesan disebabkan perkara berkaitan *al-tafdīl* ini. Kehormatan al-Quran dan *wujūh al-qirā'āt* perlu dijaga dan dihormati sebagai wahyu ilahi yang tidak sepatutnya berlebihan dalam berhujah.

## Rujukan

- al-Fārisi, a. H. (2001). *al-Hujjah li al-Qurrā' al-Sab'ah*. Beirut: Alam al-Kitab.
- al-Kharrāz, M. b. (2005). *Daṭīl al-Hayrān 'alā Mawrīd al-Zam'ān fi Fannay al-Rasm wa al-Ḍabṭ*. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- al-Mas'ūl, A. a.-'. (2007). *Mu'jam Mustalah Ilm al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah*. Kaherah: Dār al-Salām.
- al-Nahhās, A. J. (2005). *I'rāb al-Qur'ān*. Beirut: 'Ālam al-Kutub.
- al-Zuhayli, W. b. (1998). *al-Tafsīr al-Munīr fi al-Aqīdah wa al-Syāriah wa al-Manhaj*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Falatah, A. b. (2000). *al-Ikhtiyār 'inda al-Qurrā' Mafhumuh, Marāhiluh, wa Athāruh fi al-Qirā'āt*. Makkah: Jāmi'ah Umm al-Qurā.
- Ibn Abi Maryam, N. b. (2001). *al-Muḍah fi Wujūh al-Qirā'āt wa 'Ilāliha*. Kaherah: Maktabah Taw'iah al-Islamiyyah.
- Ibn al-Jazari, M. b. (2006). *Ghāyah al-Nihāyah fi Ṭabaqāt al-Qurrā'*. Beirut: Dār al-'Ilm al-Malayīn.
- Ibn al-Jazari, M. b. (t.th). *al-Nashr fi al-Qirā'āt al-'Ashr*. Kaherah: Matba'ah al-Tijāriyah al-Kubra.
- Ibn Fāris, A. b. (1979). *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Manshāwi, M. S. (t.th). *Qamus Muṣṭalahāt Hadīth al-Nabawi*. Kaherah: Dār al-Fādilah.